



BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
TEACHER EDUCATION DIVISION,
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 2-6, BLOK E13, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA



MS ISO 9001 : 2000
(NO. PENDAFTARAN : PA 0021)

Tel : 03-88841000
Fax : 03-88841081, 88893507
Kawat : "PELAJARAN"

'1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'

Ruj. Kami : KP(BPG) 9091/500/2/2/1 (6)

Tarikh : 21 Disember 2009

-SEPERTI EDARAN-

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
UNTUK BERKHIDMAT SEBAGAI PENSYARAH PPPS GRED DG44
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU 2010**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan perkara di atas.

2. Untuk maklumat pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, Bahagian Pendidikan Guru sedang berusaha mengisi kekosongan jawatan Pensyarah PPPS Gred DG44 di Institut Pendidikan Guru. Butir-butir lanjut tentang jawatan-jawatan tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini memohon kerjasama pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua pegawai-pegawai di bawah pentadbiran pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. Pegawai-pegawai yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang PPPM 1A** seperti yang dilampirkan. Borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Pendidikan Guru di Putrajaya, Urusetia BPG Cawangan Sabah & Sarawak dan Institut Pendidikan Guru yang berhampiran. Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan terus ke Institut Pendidikan Guru yang dipohon di alamat seperti pada **Lampiran B** pada atau sebelum **26 FEBRUARI 2010**.

4. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara di atas boleh dirujuk kepada pegawai-pegawai di talian seperti berikut :


- i. En. Shahrim bin Shafie : 03-8884 1160
(BPG, Putrajaya)
- ii. En. Azman bin Ab. Kadir : 03-8884 1369
(BPG, Putrajaya)
- iii. Tn. Hj. Ibrahim bin Ismail : 088-236804
(Urusetia BPG Cawangan Sabah)
- iv. Tn. Hj. Md. Ahsan bin Tukiman : 088-258045
(Urusetia BPG Cawangan Sarawak)

5. Atas kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, Bahagian ini terlebih dahulu mengucapkan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,




(Dr. HJ. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)

Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia.

diag.mek.szmen.abkadirPIPG/2008/tut.Blan

s.k. :

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia.
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia.
3. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia.
4. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pelajaran Malaysia.
5. Setiausaha
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Pelajaran Malaysia.
6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia.
7.  Urus Setia Bahagian Pendidikan Guru
Cawangan Sabah.
Urus Setia Bahagian Pendidikan Guru
Cawangan Sarawak.
9. Fail Timbul BPG.

**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**Pengambilan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Untuk Berkhidmat Sebagai Pensyarah (Akademik) PPPS Gred DG44 /
Pensyarah (Jurulatih Kokurikulum) PPPS Gred DG44
Di Institut Pendidikan Guru Tahun 2010**

1. Kekosongan Jawatan

- 1.1** Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Malaysia adalah dipelawa memohon untuk mengisi jawatan-jawatan kosong sebagai **Pensyarah (Akademik) PPPS Gred DG44** di Institut Pendidikan Guru bagi bidang/mata pelajaran seperti berikut:-

Bil.	Bidang / Mata Pelajaran	Bil.	Bidang / Mata Pelajaran
1.	Bahasa Arab	20.	Penyelidikan & Pembangunan (R&D)
2.	Bahasa Inggeris	21.	Sains Perpustakaan
3.	Bahasa Melayu	22.	Kejuruteraan Elektrik / Elektronik
4.	Teknologi Maklumat	25.	Kejuruteraan Mekanikal
5.	Ilmu Pendidikan	26.	Biologi
6.	PJK / Sains Sukan	27.	Jahitan
7.	Matematik	28.	Muzik
8.	Sains	29.	Bahasa Cina
9.	Fizik	30.	Pendidikan Seni
10.	Teknologi Pendidikan	31.	Bimbingan & Kaunseling
11.	Pendidikan Pra Sekolah	32.	Bahasa Tamil
12.	Kemahiran Hidup	33.	Kajian Sosial / Tempatan
13.	Pendidikan Khas	34.	Tamadun Islam
14.	Pengajian Agama Islam		
15.	Quran dan Sunnah		
16.	Kimia		
17.	Pendidikan Alam Sekitar		
18.	Pendidikan Negara Bangsa Malaysia		
19.	Pendidikan Moral		

1.2. Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Malaysia adalah dipelawa memohon untuk mengisi jawatan-jawatan kosong sebagai Pensyarah (Jurulatih Kokurikulum) PPPS Gred DG44 di Institut Pendidikan Guru bagi bidang :

- i) Pasukan Badan Beruniform
- ii) Persatuan dan Kelab
- iii) Sukan dan Permainan

2. Syarat-syarat bagi jawatan Pensyarah (Akademik) PPPS Gred DG44:-

2.1. Bagi jawatan Pensyarah (Akademik) PPPS Gred DG44, calon- calon mestilah mempunyai:-

a. Kelayakan Akademik

Memiliki Ijazah Lanjutan iaitu di peringkat Sarjana atau Ph.D. dalam bidang yang berkaitan.

b. Kelayakan Ikhtisas

- i) sekurang-kurangnya di peringkat Diploma Pendidikan daripada Universiti yang diiktiraf atau Sijil / Diploma Perguruan dari Institut Pendidikan Guru atau yang setaraf dengannya.
- ii) pengalaman mengajar sebagai guru PPPS Gred DG41 sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah disahkan dalam jawatan sebagai guru PPPS Gred DG41.

2.2. Bidang Tugas Utama

Di antara bidang tugas utama Pensyarah (Akademik) PPPS Gred DG44 ialah:-

- i) Memberi kuliah dalam mata pelajaran seperti yang ditetapkan;
- ii) Menyelia guru pelatih dalam latihan mengajar / latihan industri / amali, sains;
- iii) Menjadi Penasihat Gerak Kerja Kokurikulum / Kelab / Persatuan / Sukan / Permainan / Unit Beruniform;
- iv) Menjadi pensyarah mentor / tutor peribadi bagi satu-satu kumpulan guru-guru pelatih;
- v) Memberi dan menilai kerja kursus guru-guru pelatih;
- vi) Membuat penyelidikan, penggubalan soalan dan menjalankan penyeliaan praktikum;

- vii) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah dan Ketua Jabatan / Unit dari masa ke semasa.

3. Syarat-syarat bagi jawatan Pensyarah (Jurulatih Kokurikulum) PPPS Gred DG44:-

3.1. Bagi jawatan Pensyarah (Jurulatih Kokurikulum) PPPS Gred DG44, calon-calon mestilah mempunyai:-

a. Kelayakan Akademik

Memiliki Ijazah Lanjutan iaitu di peringkat Sarjana atau Ph.D. dalam bidang yang berkaitan.

b. Kelayakan Ikhtisas

- i) sekurang-kurangnya di peringkat Diploma Pendidikan daripada Universiti yang diiktiraf atau Sijil / Diploma Perguruan dari Institut Pendidikan Guru yang setaraf dengannya;
- ii) Pengalaman mengajar sebagai guru PPPS Gred DG41 sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah disahkan dalam jawatan sebagai guru PPPS Gred DG41;
- iii) Kelayakan tambahan dalam Kokurikulum:
 - a. Mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang kokurikulum.
 - b. Mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kokurikulum.
 - c. Aktif dan banyak memberikan sumbangan dalam bidang kokurikulum.

4. Cara Memohon;

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang PPPM1A yang boleh didapati dari Institut Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru di W.P. Putrajaya, cawangan Sabah dan Sarawak. Permohonan borang boleh dibuat secara bertulis kepada Institut Pendidikan Guru yang berdekatan dan disertakan dengan sampul surat beralamat sendiri berukuran 16cm X 23cm (6" X 9") dan dilengkapi dengan setem 40 sen.

5. Cara Menghantar Borang Permohonan;

Permohonan hendaklah melalui Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar dan hendaklah dihantar terus kepada Institut Pendidikan Guru yang dipohon pada alamat seperti di Lampiran B.

Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:-

- i) 1 Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan disahkan oleh Ketua Jabatan;

- ii) 1 Salinan Laporan Prestasi Tahunan bagi 3 tahun terkini yang disahkan;
- iii) Salinan-salinan Sijil / Diploma / Ijazah dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang disahkan oleh Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar yang disahkan;
- iv) 1 Salinan Pengesahan Laporan Pengisytiharan Harta yang disahkan; (Bukan Borang Laporan Pengisytiharan Harta)
- v) 1 salinan Laporan Kenyataan Tatatertib yang disahkan;
- vi) 1 salinan Slip Keputusan PTK terkini yang disahkan.

6. Tarikh Tutup;

Semua permohonan hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan tidak lewat daripada **26 FEBRUARI 2010**.

7. Temu Duga;

Permohonan yang berjaya akan dipanggil untuk menghadiri satu sesi temu duga pada tempat dan masa yang ditetapkan kelak. Perbelanjaan menghadiri temu duga ini adalah ditanggung sendiri oleh pemohon.

*** PERHATIAN:-**

PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DAN TIDAK MEMENUHI SYARAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

dig.marvezman.abkadir/PIPO/klm/2009